



## UNIVERSITY COLLEGE TATI (UC TATI)

### 1. KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1.1 TATI University College Sdn. Bhd. (TUCSB) adalah pemilik berdaftar University College TATI ("UC TATI"), sebuah kolej universiti swasta yang didaftarkan di bawah Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta Malaysia 1996. Rujukan kepada "TUCSB" dan "UC TATI" akan digunakan secara bergantian, di mana sesuai.

1.2 Sebut harga ini adalah dipelawa kepada mana-mana SYARIKAT yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam Kelas yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini sehingga tempoh enam (6) bulan dari tarikh pelawaan ditutup. Sekiranya kurang dari tempoh tersebut syarikat perlu mengemukakan bukti permohonan pembaharuan lesen pendaftaran.

1.3 SYARIKAT adalah ditawarkan bagi menyertai perkhidmatan berikut:-

SEBUT HARGA NO	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KELAS KEPALA DAN SUB KEPALA	TAKLIMAT SEBUT HARGA DAN LAWATAN TAPAK	HARGA DOKUMEN (RM)
400-5/6/2	Sebut harga Perkhidmatan Perlindungan Insurans Berkelompok Pelajar University College TATI (UC TATI)	Syarat kelayakan Tawaran Sebut harga ini adalah seperti berikut:  i- Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan mempunyai lesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI)	Tiada Lawatan Tapak	RM50.00

1.4 SYARIKAT yang berminat memasuki tawaran bolehlah membuat bayaran sebanyak **RM50 (Bayaran ini tidak akan dikembalikan)** secara perbankan internet sebagaimana maklumat pembayaran di bawah:

**DuitNow**

Nombor Akaun & Nama Bank : **8601716652 (CIMB ISLAMIC BANK BERHAD)**

Nama Penerima : **TATI UNIVERSITY COLLEGE SDN BHD**

Rujukan penerima 1 : **SH INSURANS PELAJAR**

Rujukan Penerima 2 : **Nama Syarikat**

**\*\* (bukti bayaran perlu di emailkan kepada alamat email berikut :**

**[perolehan@uctati.edu.my](mailto:perolehan@uctati.edu.my)**)

1.5 Sila catat nama sebut harga di sebelah kiri bahagian atas sampul surat dokumen SEBUT HARGA - **(400-5/6/2)**.

- 1.6 Pembekal hendaklah memastikan dokumen sebut harga diisi dengan lengkap dan sempurna. UC TATI berhak menolak mana-mana tawaran yang tidak lengkap.
- 1.7 **Tempoh sah laku harga tawaran adalah selama 90 hari daripada tarikh tutup sebut harga.** Pembekal yang telah menyerahkan cadangan tawaran tidak dibenarkan menarik diri dalam tempoh tersebut.
- 1.8 UC TATI tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan atau kehilangan mana-mana tawaran yang dikemukakan melalui pos. UC TATI juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau mengemukakan sebab-sebab sebut harga tersebut ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.
- 1.9 Tempoh sebut harga bagi perkhidmatan ini adalah bermula pada **14 Mei 2026** dan tarikh tutup sebut harga adalah pada **3 Jun 2026** jam 12.00 tengahari.
- 1.10 Dokumen sebut harga akan mula dijual dari tarikh **14 Mei 2026 sehingga 3 Jun 2026** di:

**Jabatan Kewangan**  
**(Aras Bawah Bangunan Canselori)**  
**UNIVERSITY COLLEGE TATI (UC TATI)**  
**Kampus UC TATI, Jalan Panchor, Teluk Kalong,**  
**24000 Kemaman, Terengganu.**

**Pada waktu-waktu berikut: -**  
**Ahad hingga Rabu - 8.30 pagi hingga 4.30 petang (1 – 2 petang rehat)**  
**Khamis – 8.30 pagi hingga 3.00 petang**